



## Pelajar FSTM Menang Pertandingan Makanan ASEAN



*Chua Seong Chea berjaya mendapat tempat ketiga 2009 Merck Young Scientist Award bagi kategori kromatografi.*

**BANDAR SERI BAGAWAN, 23 Okt** - Empat pelajar Fakulti Sains dan Teknologi Makanan(FSTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya mendapat tempat pertama dalam pertandingan 'ASEAN Undergraduate Food Quiz Bowl Competition' baru-baru ini.

Pelajar tersebut iaitu Kimberly Kueh Li-Tchin, Sew Chang Chew, Law Se Vern dan Goh Ai Chen berjaya menewaskan pasukan pelajar dari Thailand yang mendapat tempat kedua dan Singapura di tempat ketiga.

Sementara itu seorang pelajar fakulti yang sama, Chua Seong Chea berjaya mendapat tempat ketiga 2009 *Merck Young Scientist Award* bagi kategori kromatografi dengan meraih wang tunai RM 1,500 yang disampaikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili baru-baru ini.

Hasil penyelidikan Chua yang merupakan pelajar siswazah Master Sains di bawah penyeliaan Prof. Madya Dr. Tan Chin Ping dari Jabatan Teknologi Makanan ialah mengenai pengekstrakan fosfolipid dari fiber kelapa sawit yang telah diterbitkan dalam *European Journal Lipid Science and Technology* (Vol. 110; muka surat 334-340, tahun 2008).

**Berita asal oleh Dr. Tan Chin Ping, FSTM (03-89468418) dan disunting oleh Seksyen Media Bahagian Komunikasi Korporat**